05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (MA63): PENGETAHUAN DAN KESEDARAN MASYARAKAT BIDAYUH DI SERIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

AVYLA CHERRIE ANAK WILFA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PERJANJIAN MALAYSIA 1963: PENGETAHUAN DAN KESEDARAN MASYARAKAT BIDAYUH DI SERIAN

AVYLA CHERRIE ANAK WILFA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI KEPERLUAN MEMENUHI SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN MALAYSIA DENGAN PENDIDIKAN

Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa projek tahun akhir ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

27 Jun 2023 .....

Avyla Cherrie Anak Wilfa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Projek ilmiah ini disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan bagi pengijazahan Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pihak Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris tidak bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan pihak ketiga yang berhubung kait dengan penyeliaaan Projek ilmiah ini.

27 Jun 2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISCLAIMER

This academic project is prepared for partially graduation requirement fulfillment of Bachelor of Malaysian Studies with Education by the Universiti Pendidikan Sultan Idris. The Department of Malaysian Studies, Faculty of Human Science of Universiti Pendidikan Sultan Idris is not responsible for any third party claims in connection with the supervision of this academic project.

27 June 2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan telah memimpin dan memberkati saya sepanjang saya menyempurnakan tesis ini. Dalam ruangan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya, Prof. Madya Dr. Samsudin Bin Suhaili kerana telah memberikan bimbingan, sokongan dan membantu saya sepanjang proses menyiapkan dan melengkapkan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Arkib Negara, Muzium Negeri Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Perpustakaan Tunku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana membenarkan saya untuk merujuk bahan primer dan sekunder sepanjang menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada ketua kampung serta penduduk Kampung Tebakang Bidayuh kerana telah memberikan kerjasama dan layanan yang sangat baik kepada saya sepanjang saya menjalankan kerja lapangan di Kampung Tebakang Bidayuh. Sepanjang menjalankan kajian ini saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu dari aspek sumbangan idea dalam memantapkan lagi kajian ini.

Selain itu, dalam ruangan ini juga saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu dan nenek saya Puan Wilfa Anak Rangkat dan Puan Lena Anak Binchat yang tidak putus-putus memberikan sokongan moral kepada saya. Begitu juga ucapan penghargaan kepada rakan-rakan saya iaitu Sharifah Halimah Wan Ali, Huril'Ain Binti Zukini, Rafia Sindora Lamapa, Ismail bin Tenri, Nur Hanim Binti Hassim dan rakan lain yang banyak memberikan sokongan moral dan bantuan kepada saya sehingga tesis ini berjaya disempurnakan. Semoga Tuhan sentiasa memberkati segala usaha dan pengorbanan yang dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) merupakan satu dokumen sejarah yang perlu difahami dan diketahui oleh masyarakat termasuklah golongan belia. Hal ini kerana, kepentingan MA63 kepada negeri Sarawak terletak pada nilai perundangan dan hak istimewanya bagi penubuhan Persekutuan Malaysia. Kajian ini mengetegahkan aspek-aspek utama seperti ekonomi, kesihatan dan pendidikan yang terkandung dalam MA63, tahap pengetahuan golongan belia mengenai MA63 dan strategi bagi memudahkan pemahaman masyarakat terhadap MA63. Kajian ini akan memperlihatkan tahap masyarakat Bidayuh termasuk golongan belia memahami konsep dan pelaksanaan MA63. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual kepada informen yang dipilih. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan mengenai MA63 ini pada tahap yang tinggi dan informan mempunyai pengetahuan tentang MA63 adalah satu permulaan yang baik. Di samping itu, kajian ini mencadangkan enam strategi yang sesuai bagi memudahkan pemahaman masyarakat terhadap MA63 ini dengan jelas dan terperinci supaya dapat diketahui oleh golongan muda yang meneruskan kepimpinan pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

***Kata kunci**: Perjanjian Malaysia 1963, Pengetahuan, Kesedaran, Masyarakat Bidayuh*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

The Malaysia Agreement 1963 (MA63) is a historical document that needs to be understood and known by the community including the youth. The importance of MA63 to the state of Sarawak lies on its legal value and special rights for the establishment of the Federation of Malaysia. This study emphasize the main aspects such as economy, health and education contained in MA63, the level of knowledge of the youth about MA63 and strategies to facilitate the community's understanding of MA63. This study has look at the extent to which the Bidayuh community including the youth understand the concept and implementation of MA63. This study used a qualitative method by using interview instruments to selected informants. The results of the study found that the level of knowledge about MA63 is at a high level which shows that informants have knowledge about MA63 but the understanding in that context is not explored further. In addition, this study suggest six appropriate strategies to facilitate the public's understanding of MA63 in a clear and detailed manner so that it can be known by the young people who continue to be future leaders.

***Keywords**: Malaysia Agreement 1963, Knowledge, Awareness, Bidayuh Community*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	i
TUNTUTAN PIHAK KETIGA	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv – v
SENARAI KANDUNGAN	vi – x
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1 - 5
1.2 Latar Belakang	5
1.2.1 Pengisian Perjanjian Malaysia 1963	6 – 8
1.2.2 Sarawak dalam MA63	9
i. Sejarah Sarawak dalam MA63	9 – 10
ii. Faedah dan Objektif bagi mencapai MA63	11 – 12
iii. Langkah Awal untuk mencapai MA63	12 – 14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Sosioekonomi Sarawak 14 – 17

1.2.3 Latar Belakang Suku Kaum Bidayuh (Serian) 17 – 21

1.2.4 Golongan Belia 22 – 23

1.3 Pemasalahan Kajian 23 – 24

1.4 Persoalan Kajian 25

1.5 Objektif Kajian 25

1.6 Skop dan Batasan Kajian 26 – 27

1.7 Kepentingan Kajian 27 – 29

1.8 Definisi Operational 29 – 31

1.9 Organisasi Bab 32 – 33

1.10 Penutup 34

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 35 – 36

2.2 Sejarah Pembentukan Malaysia 36 – 37

2.3 Dokumen Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) 37 – 38

2.4 Isu Federalisme dan Penyertaan Sarawak 38 – 39

2.4.1 Masyarakat dan Kebudayaan Bidayuh 39 – 41

2.5 Memorandum 18 Perkara Sarawak 41 – 42

2.6 Hak Sabah dan Sarawak 43

2.6.1 Ekonomi 43 – 44

2.6.2 Pembangunan Aspek Kesihatan 44 – 45

2.6.3 Pemerkasaan Bidang Pendidikan 45 – 46

2.7 Aplikasi Teori Perubahan Sosial 46 – 47

2.8 Penutup 48

BAB 3 METADOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan 49 – 50

3.2 Reka Bentuk Kajian 50 - 51

3.3 Instrumen Kajian 51

3.3.1 Pengumpulan Data Primer 52

i. Temu bual 52 – 53

ii. Analisis Dokumen 53 – 54

3.3.2 Pengumpulan Data Sekunder 54

i. Kajian Perpustakaan 55

3.4 Populasi dan Sampel 55 – 56

3.5 Kaedah atau Prosedur Pengumpulan Data 56 – 57

3.6 Kaedah Menganalisis Data 57

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan 58 - 59

3.8 Penutup 59

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 60 – 61

4.2 Analisis Demografi Informan 61

4.2.1 Latar Belakang Informan 61 – 62

4.2.2 Latar Belakang Akademik 62 – 63

4.2.3 Status Pekerjaan, Jawatan dan Penglibatan Luar 63 – 64

4.2.4 Tempoh Jawatan 64 – 65

4.3 Aspek-aspek utama seperti ekonomi, kesihatan dan pendidikan yang terkandung dalam MA63 66

4.3.1 Ekonomi 66 – 67

i. Infrastruktur Ekonomi 67 – 68

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Impak Ekonomi 69 – 70

4.3.2 Pembangunan Kesihatan 70 – 71

i. Penyediaan Infrastruktur 71 – 73

ii. Penyediaan Tenaga Kerja 73 – 74

iii. Keberkesanan Perkhidmatan Kesihatan 74 – 75

4.3.3 Pendidikan 75 – 77

i. Infrastruktur 77 – 78

ii. Keberkesanan Kurikulum Pendidikan 78 – 79

4.4 Tahap Pengetahuan Belia Mengenai MA63 79 – 80

4.4.1 Latar Belakang MA63 80 – 81

4.4.2 Perkembangan Pelaksanaan MA63 81 – 83

4.4.3 Isu-isu Pelaksanaan MA63 83 – 85

4.5 Strategi Meningkatkan Pemahaman Masyarakat terhadap MA63 85

4.5.1 Penggunaan Media 85 – 86

4.5.2 Peranan Ketua Masyarakat/ Kaum 86 – 87

4.5.3 Pendedahan Pendidikan 87 – 88

4.5.4 Pendekatan Agensi Kerajaan Negeri 88

4.5.5 Pameran Sejarah 89

4.5.6 Program Kesedaran 90

4.6 Penutup 90 – 91

BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan 92 – 93

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Rumusan 93 – 95

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan 95 – 97

5.4 Kesimpulan 97 – 98

RUJUKAN 99 – 103

LAMPIRAN 104 – 108

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Dokumen Perjanjian Malaysia 1963
B	Malaysia Report of Inter-Governmental Committee
C	Surat Permohonan Temu Bual bagi Tujuan Penulisan Ilmiah Final Year Project (FYP) 2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

MA63	*Perjanjian Malaysia 1963*
PBB	*Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu*
SNAP	*Pengerusi Sarawak National Party*
ICG	*Inter-Governmental Committee*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Setelah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Malaysia telah menyaksikan peristiwa bersejarah dalam membentuk sebuah negara yang berdaulat dan progresif bagi mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Selepas kemerdekaan Tanah Melayu, terdapat beberapa perjanjian dan perbincangan antara pemimpin negara bagi tujuan mengukuhkan kedudukan persekutuan Tanah Melayu. Satu hal yang paling penting adalah melalui cadangan penggabungan tiga negara jiran iaitu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Borneo Utara (kini dikenali sebagai Sabah), Sarawak dan Singapura. Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 telah melalui satu proses rundingan rumit, kompleks dan mengambil masa dalam membentuk sebuah Persekutuan Malaysia.

Pembentukan Persekutuan Malaysia telah bermula dengan hasrat Tunku Abdul Rahman yang ingin membantu membebaskan Sabah dan Sarawak daripada penaklukan komunis serta ingin menyatukan Tanah Melayu bersama tiga wilayah tersebut untuk menjadi sebuah negeri yang merdeka. Pembentukan ini bermula dengan idea pembentukan Gagasan Malaysia melibatkan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei yang secara tidak langsung telah mengubah landskap politik negara. Proses pembentukan dilaksanakan melalui sesi perbincangan dan perundingan melibatkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (MSCC) yang berfungsi untuk menerangkan dengan lebih jelas terhadap konsep Malaysia kepada masyarakat khususnya penduduk Sabah, Sarawak dan Brunei akan cadangan penggabungan pembentukan Malaysia. Jawatankuasa ini telah membentuk satu perlembagaan khususnya yang melibatkan permintaan Sabah dan Sarawak berdasarkan memorandum yang diterima daripada parti-parti politik di Sabah dan Sarawak.

Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan selepas sebuah rundingan dibuat antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British. Menurut Hansard Malaysia Bill 1963, suruhanjaya ini melaksanakan tugas dengan melakukan tinjauan kepada rakyat Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Sarawak lebih terbuka untuk menerima pembentukan sebuah negara baharu berasaskan kepentingan hak dan keperluan mereka terus terpelihara (https://www.utusan.com.my/berita/2022/11/dulukan-ma63-daripada-tpm-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penganalisis/). Maka dengan itu, sebuah perjanjian iaitu Perjanjian Malaysia 1963 telah dihasilkan. Tujuannya untuk memastikan proses dekolonisasi yang selamat dan berjaya serta terma yang jelas dan saksama untuk pembentukan Malaysia antara lima pihak di London iaitu British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

MA63 merupakan sebuah dokumen perjanjian antarabangsa yang melibatkan perwakilan daripada United Kingdom Of Great Britain, Northen Ireland, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura. Perjanjian yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London merupakan sebuah perjanjian yang mempunyai teks yang sah berdasarkan undang-undang bagi setiap Perkara yang terkandung dalam perjanjian ini. Berdasarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), MA63 merupakan sebuah perjanjian yang telah didaftarkan di sekretariat PBB pada tahun 1970 oleh United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland yang mempunyai nombor rujukan 10760. (https://treaties.un.org/doc/publication/unts/volume%20750/volume-750-i-10760-english.pdf)

Perjanjian ini mengandungi 11 Perkara yang disusuli dengan lampiran-lampiran yang menjadi asas kepada Akta 26/1963 untuk meminda perlembagaan sedia ada iaitu Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ini selaras dengan penggabungan bersama Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura. Setiap satu daripada Perkara yang termaktub di dalam perjanjian ini berfungsi sebagai perkara dan arah tuju yang harus diikuti, dipatuhi dan ditunaikan oleh semua pihak yang telah menandatangani perjanjian ini (A Rahman et al., 2018). Dalam konteks sejarah dan masa kini, dapat dilihat bahawa kepentingan perjanjian ini adalah terletak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada status perundangannya dalam hubungannya dengan penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Hal ini kerana perjanjian MA63 mengandungi syarat dan peruntukan perundangan berkenaan hak istimewa dan jaminan perlembagaan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak berhubung dengan penyertaan kedua-dua negeri tersebut dalam Persekutuan. Menurut A Rahman et al. (2018) kewujudan peruntukan perundangan tersebut telah memberikan hak autonomi kepada kedua-dua negeri berkenaan yang tidak dinikmati oleh semua negeri lain dalam Persekutuan Malaysia.

Namun begitu, terdapat beberapa kekeliruan terhadap aplikasi perundangannya dalam konteks masa kini. Ini merujuk kepada pernyataan politik 'untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak berteraskan MA63 (A Rahman et al., 2018). Kekeliruan ini wujud kerana kefahaman terhadap MA63 telah diaplikasikan secara anakronistik akibat daripada kompleksiti dalam menghubungkaitkan dokumen dan peristiwa sejarah kepada konteks masa kini. Anakronistik ini merujuk kepada situasi masyarakat yang ketinggalan akan peristiwa penting yang menjadi sejarah Malaysia. Menurut A Rahman et al. (2018) propaganda politik yang diketengahkan oleh politikus yang juga mempunyai latar belakang dan asas pengajian undang-undang, terutamanya sekali dari Sabah dan Sarawak
.

Dalam hal ini, telah menjadikan MA63 sebagai alat bagi melegitimasikan tuntutan politikus terhadap peruntukan kewangan dan bidang kuasa yang lebih daripada yang sedia ada. Namun, tuntutan politik ini hanya memperlihatkan tafsiran berdasarkan kepada aspirasi politik yang diinspirasikan oleh rasa tidak puas hati terhadap kemajuan pada kedua-dua negeri tersebut yang jauh ketinggalan berbanding dengan Semenanjung Tanah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu. Menurut Tuan Mohd Rafizi (2023) dalam Handsard bertarikh 8 Mac menjelaskan bahawa:

> Negeri Kedah bagi tahun 2023 ini sebanyak 443 projek dengan peruntukan RM1.458 bilion. Negeri Kelantan dengan 425 projek, peruntukan RM 2.494 bilion. Negeri Terengganu sebanyak 390 projek infrastruktur dengan peruntukan sebanyak RM1.545 bilion. Negeri Perlis dengan sebanyak 153 projek dengan peruntukan RM560 juta. Negeri Sabah sebanyak 1,141 projek, peruntukan RM6.46 bilion dan negeri Sarawak dengan projek sebanyak 979 projek, peruntukan RM5.421 bilion. Kalau hendak dibandingkan dengan contohnya negeri Melaka, Melaka hanya RM520 juta sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ulang dan saya hendak rekodkan kenyataan saya di dalam Dewan supaya perkara ini tidak lagi dijadikan modal politik oleh pembangkang. (ms 120-121)

Menurut Abdullah et al. (2018) terdapat dakwaan bahawa kerajaan pusat telah melanggar MA63 yang menjamin hak istimewa dan jaminan perlembagaan kepada kedua-dua negeri tersebut. Maka dengan itu, MA63 perlu difahami dalam konteks sejarahnya terlebih dahulu untuk mengetahui perjanjian tersebut boleh diaplikasikan kepada konteks politik dan tuntutan masa kini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang ini akan menunjukkan kepada perincian mengenai kajian yang dilakukan terhadap Pengisian Perjanjian Malaysia 1963, Sarawak dalam MA63 yang merangkumi keperluan, pergolakan awal, faedah-faedah, tindakan awal untuk mencapai MA63 dan sosioekonomi Sarawak, latar belakang kaum Bidayuh dan golongan belia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.1 Pengisian Perjanjian Malaysia 1963

MA63 ini merupakan perjanjian yang menyatukan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dalam membentuk sebuah negara bernama Malaysia. Perjanjian ini merupakan rujukan dan panduan dalam menerajui sebuah Kerajaan Malaysia sehingga kini. Perjanjian MA63 ialah perjanjian antarabangsa yang menyatukan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu, tetapi kedudukan ini telah terhakis. Walaupun MA63 melibatkan lima pihak tersebut, namun sebenarnya melibatkan dua pihak utama iaitu United Kingdom dan Malaya (A Rahman dan Pandikar Amin, 2018). Menurut Perjanjian Malaysia (1963) dalam perkara IV perjanjian ini melibatkan pemindahan kedaulatan tiga wilayah lain, iaitu Borneo Utara, Sarawak dan Singapura daripada United Kingdom kepada Malaysia. Berdasarkan Perkara 4 dalam Perjanjian Malaysia 1963 menyatakan bahawa Kerajaan United Kingdom akan mengambil langkah yang sesuai dan terbuka dalam menentukan kelulusan undang-undang daripada Parlimen United Kingdom.

Perjanjian Malaysia 1963 ini mengandungi 11 perkara utama yang merujuk kepada penyerahan kedaulatan ketiga-tiga wilayah kepada Malaysia dan kedudukan semua wilayah kepada tiga buah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa sebuah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) masih menjadi sebuah topik yang diperdebatkan walaupun pada hakikatnya perjanjian tersebut telah termaktub sebagai sebuah dokumen perundangan negara. Maka dengan itu, kajian ini dilaksanakan sebagai dokumen utama bagi menelusuri usaha kerajaan melalui program-program bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengembalikan hak yang telah dimetrai dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Menurut Nurhafilah Musa (2019), kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu atau dikenali sebagai *equal partners* kepada Persekutuan Tanah Melayu telah mengalami penurunan taraf daripada rakan sekutu kepada anak telah diletakkan sebaris dengan negeri-negeri lain. Seperti yang dinyatakan oleh Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (2019) dalam Hansard bertarikh 9 April menjelaskan bahawa:

> Kalau ia datang daripada rakan saya daripada Sabah, mungkin tidak memenuhi atau sebenarnya memahami semangat MA63 itu sendiri. Sebab, pada saya, kalau MA63 tidak dimasukkan semua apa persetujuan pembentukan Malaysia adalah termaktub dalam MA63, bukan sekadar untuk meletakkan pembentukan Malaysia. Tetapi kalau kita bentuk Malaysia dan persetujuan kita sebagai equal partners yang membentuk Malaysia itu sendiri, maka kita tidak akan dapat segala hak yang berada dalam MA63. Sebab MA63, bagi saya, meletakkan semua syarat-syarat perjanjian itu sendiri, sebab MA63 tidak dirujuk sekalipun dalam Perlembagaan. Oleh sebab itulah kita melihat bahawa pada masa ini bagaimana kita hendak menuntut hak Sabah dan Sarawak itu sendiri kalau MA63 tidak dijadikan sebahagian daripada Perlembagaan. Itu persoalan yang kita hendak bangkitkan. Sebab itu saya melihat bahawa ia amat penting untuk dimasukkan. (ms 66)

Equal partners seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dibawah Perkara 1, Fasal (2) telah dinyatakan mengenai nama Persekutuan dan wilayah-wilayah. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963 di bawah Perkara 1, Fasal (2) merujuk kepada pengkelasan yang jelas mengenai wilayah-wilayah yang membentuk persekutuan Malaysia. Taraf negeri Sabah dan Sarawak adalah setara dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura dan bukan tersenarai sebagai salah sebuah negeri seperti mana negeri-negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, melalui Akta A354, seksyen 2 yang berkuatkuasa melalui 27 Ogos 1976, fasal (2) di dalam Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan ini telah dipinda. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nurhafilah Musa (2019) menyatakan bahawa rasional pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan adalah untuk mengembalikan status rakan sekutu (equal partners) kepada Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub dalam MA63. Pindaan Rang Undang-undang ini menggantikan Fasal (2), Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan semua negeri yang membentuk Persekutuan, dengan mengembalikan, dengan ubah suai, kedudukan Fasal (2), Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan semasa pembentukan Malaysia pada 1963.

Melalui pindaan yang telah dikuatkuasakan pada 2019, kedudukan Sabah dan Sarawak telah dikembalikan semula seperti mana yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 yang kini dikenali sebagai wilayah. Oleh yang demikian, Kerajaan pada hari ini berpendapat, pengembalian semula taraf atau status sebagai rakan sekutu kepada Sabah dan Sarawak di dalam Persekutuan Malaysia adalah penting dalam membentuk asas kukuh untuk mengeratkan hubungan ketiga-tiga wilayah. Selain daripada isu rakan sekutu ini, terdapat beberapa perkara di dalam MA63 harus dihormati oleh kesemua pihak. Tidak dapat dinafikan, disebalik semangat federalisme yang membentuk Malaysia, hak-hak dan kuasa-kuasa autonomi yang diperuntukkan khas kepada wilayah Sabah dan Sarawak hendaklah sentiasa dipelihara malah ditambah baik selaras dengan perkara-perkara yang telah dipersetujui semasa pembentukan Malaysia dahulu. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada negeri Sarawak dalam melaksanakan MA63.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.2 Sarawak dalam MA63

Penglibatan negeri Sarawak dalam MA63 ini merangkumi empat aspek utama iaitu sejarah, faedah dan objektif, langkah awal dan sosioekonomi di Sarawak.

i. Sejarah Sarawak dalam MA63

Sarawak mempunyai sejarah yang tersendiri hingga tahun 1963 yang telah melalui tiga peringkat pemerintahan iaitu Kesultanan Brunei, keluarga Brook dan kerajaan British (Ho, 2017). Menurut A Rahman et al,. (2019) menyatakan kemerdekaan Sarawak mempunyai hubungan simbiotik dengan penubuhan Persekutuan Malaysia dalam konteks sejarah. Pengisytiharan kepada penubuhan Persekutuan Malaysia perlu didasarkan kepada proses undang-undang perlembagaan yang membawa kepada peristiwa bersejarah tersebut. A Rahman et al,. (2019) menyatakan perisytiharan tersebut tertakluk kepada terma rujukan dan aplikasi perundangan yang telah digariskan dalam Perjanjian Malaysia tahun 1963 (the Malaysia Agreement of 1963). Oleh kerana perjanjian ini telah digunapakai secara meluas dalam kalangan pemimpin, dan rakyat Sarawak sebagai MA63.

Sarawak telah diiktiraf sebagai negara berpemerintahan sendiri pada 22 Julai 1963 selepas Gabenor Sarawak Sir Alexander Waddell mengeluarkan perisytiharan dengan pelantikan Stephen Kalong Ningkan, Pengerusi Sarawak National Party (SNAP) sebagai Ketua Menteri Sarawak yang pertama. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buyong Aidil (2022), taraf pemerintahan sendiri ini adalah setaraf dengan negeri-negeri naungan British yang lain kerana Sir Alexander Waddell masih menjawat jawatan sebagai Gabenor sehingga 15 September 1963. Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan mengisytiharkan pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Sarawak mempunyai keperluan dalam mengikuti MA63 kerana Sarawak telah mengusulkan memorandum 18 perkara untuk melindungi kepentingannya di persekutuan semasa kedatangan Suruhanjaya Cobbold. Pada September 1962, Council Negeri (sekarang Dewan Undangan Negeri Sarawak) meluluskan resolusi yang menyokong persekutuan dengan syarat bahawa kepentingan rakyat Sarawak tidak akan terganggu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sarawak mengekalkan sistem federalisme yang sedia ada selepas penubuhan persekutuan Malaysia dengan melakukan beberapa pindaan dalam perlembagaan persekutuan yang melibatkan bidang kuasa dan autonomi negeri Sarawak (Fredrick & Arnold, 2021). Negeri Sarawak diberikan kedudukan istemewa berbanding negeri-negeri lain di Malaysia oleh sebab faktor perbezaan budaya dan agama, latar belakang geografi, kadar kemiskinan penduduk dan perjanjian pembentukan di peringkat antarabangsa (Faruqi, 2012). Sarawak telah mengemukakan syarat yang dikenali sebagai 18 Perkara untuk melindungi kepentingan negeri Sarawak sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia. 18 Perkara adalah syarat yang telah disenaraikan dan diajukan kepada Jawatankuasa Antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee, ICG) yang menjadi asas kepada MA63 dan pembentukan perlembagaan persekutuan yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Faedah dan Objektif bagi mencapai MA63

Bagi negeri Sarawak, campur tangan kerajaan persekutuan berlaku pada tahun 1966 sehingga menyebabkan pemecatan Ketua Menteri Sarawak iaitu Stephen Kalong Ningkan yang membangkitkan isu kuasa autonomi Sarawak. Selepas penyingkiran Stephen, pemimpin Sarawak lebih cenderung untuk menggunakan kaedah yang disifatkan lebih diplomatik dalam berhadapan dengan kerajaan persekutuan. perubahan yang dialami oleh sistem federalisme Malaysia di dalam konteks perkembangan politik Sarawak di bawah pemerintahan Adenan Satem, Ketua Menteri Sarawak, dari tahun 2014 hingga 2017. Dalam pemerintahan di bawah Adenan Satem, beliau memperjuangkan tuntutan autonomi dan pengembalian semula hak-hak negeri Sarawak seperti yang termaktub di dalam MA63 dan menilai respons kerajaan persekutuan terhadap perjuangan MA63 negeri Sarawak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Armizan (2020), objektif dan intipati utama MA63 ialah pemindahan status kedaulatan dan kekuasaan tiga wilayah, iaitu Borneo Utara, Sarawak dan Singapura dari United Kingdom menjadi wilayah merdeka melalui penggabungan dan penyekutuan wilayah merdeka membentuk Persekutuan Malaysia. Berdasarkan objektif MA63, perjanjian ini melambangkan kehendak umum semua pihak untuk mewujudkan sebuah Persekutuan melalui penggabungan persekutuan yang sedia ada iaitu Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura yang diberikan status kemerdekaan dan kedaulatan melalui pembentukkan sebuah negara yang baharu. Sarawak mempunyai kedudukan perundangan dan hak autonomi melebihi negeri-negeri lain di Semenanjung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia. Menurut A Rahman dan Pandikar Amin (2018), menyatakan hak autonomi ini merujuk kepada kelebihan dari segi perundangan, politik, ekonomi dan sosiobudaya seperti yang terkandung sebagai jaminan perlembagaan ketika pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

iii. Langkah Awal untuk mencapai MA63

Langkah awal yang dilakukan oleh Kerajaan Sarawak demi mencapai tuntutan MA63 bermula daripada pemerintahan Tan Sri Adenan Satem pada tahun 2014. Tan Sri Adenan Satem merupakan tokoh politik veteran yang berpengaruh serta mempunyai rekod cemerlang dalam pemerintahan politik Sarawak (UNIMAS, B. P., 2014). Perkembangan politik di Sarawak bawah pemerintahan Adenan Satem dimulakan dengan tuntutan autonomi dan pengembalian semula hak-hak negeri Sarawak seperti yang termaktub di dalam MA63 dan menilai respons kerajaan persekutuan terhadap perjuangan MA63 negeri Sarawak. Ketua Menteri Sarawak, Adenan Satem memperkenalkan *'53 Tindakan dan Prinsip* yang menjadi manifesto kerajaan negeri dalam menuntut kuasa dan autonomi negeri Sarawak yang lama tidak dibangkitkan oleh pemimpin lain (https://www.utusanborneo.com.my/2016/12/01/53-prinsip-dan-tindakan-adenan-memberi-manfaat-kepada-rakyat).

Kuasa dan autonomi negeri Sarawak perlu dikembalikan semula selaras dengan MA63 dan merujuk kepada Laporan IGC (*Report of The Inter-Governmental Committee*) dalam mempercepatkan proses pembangunan negeri Sarawak terutamanya isu yang melibatkan kemudahan asas di kawasan luar bandar dan pedalaman. Tuntutan kuasa dan autonomi negeri Sarawak yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibahagikan kepada tiga fasa rundingan. Rundingan fasa pertama adalah melibatkan penurunan kuasa kerajaan negeri Sarawak dengan kerajaan persekutuan. Penurunan kuasa yang diminta oleh negeri Sarawak merangkumi kuasa yang menyentuh mengenai hal-hal pentadbiran. Seterusnya, rundingan fasa kedua melibatkan hak negeri Sarawak berpandukan kepada MA63. Bagi hak negeri Sarawak, rundingan memfokuskan kepada pencerobohan persekutuan terhadap kuasa negeri. Bagi rundingan fasa ketiga, rundingan dilakukan dengan melibatkan hal permohonan royalti minyak dan gas negeri. Negeri Sarawak juga membuat tuntutan supaya royalti minyak negeri Sarawak dinaikkan daripada 5% kepada 20%.

Adenan melihat kepentingan menaikkan peratus royalti minyak kepada Sarawak untuk merapatkan jurang miskin di antara negeri di Semenanjung dengan negeri Sarawak disamping dapat digunakan untuk melaksanakan lebih banyak pembangunan di negeri ini (Mersat, 2017). Adenan juga menyuarakan hasrat untuk membatalkan permit kerja bukan tempatan kepada syarikat Petronas. Hal ini kerana, Adenan mahu lebih ramai anak Sarawak diambiluntuk bekerja dengan Petronas yang beroperasi di negeri Sarawak. Langkah agresif Adenan dalam memberikan tekanan kepada Petronas ini disusuli dengan pengumuman moratorium kerajaan negeri bagi permohonan permit baharu untuk kakitangan Petronas dari luar Sarawak pada bulan Ogos 2016. Adenan juga menuntut supaya 22 Julai diumumkan sebagai cuti umum di negeri Sarawak. Tarikh 22 Julai merupakan tarikh kemerdekaan negeri Sarawak daripada penjajahan British. Adenan juga menuntut supaya 90% guru yang mengajar di negeri ini mesti berasal dari negeri Sarawak. Hal ini kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru yang bukan berasal dari negeri Sarawak berpotensi untuk berpindah keluar semula dari Sarawak selepas beberapa tempoh. Bagi memastikan pelarasan pentadbiran di antara agensi kerajaan negeri dan persekutuan, Adenan telah mengemukakan permohonan untuk menurunkan kuasa kepada kerajaan negeri di dalam 13 Perkara.

iv. Sosioekonomi Sarawak

Sarawak merupakan sebuah negeri yang terbesar antara 13 buah negeri di Malaysia. Batang Rajang yang terdapat di Sarawak ialah sungai terpanjang di Malaysia di samping Mulu yang terkenal sebagai sistem gua yang paling luas di dunia. Hutan hujan tropika yang tertua dan yang kedua terbesar selepas Amazon menjadikan Sarawak sebagai pusat biokepelbagaian. Negeri Sarawak terbahagi kepada 11 bahagian pentadbiran yakni Kuching, Kota Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Bintulu, Mukah, Miri dan Limbang. Kuching ialah ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri. Daripada 11 bahagian pentadbiran ini, Sarawak mempunyai 40 daerah iaitu Kuching, Bau, Lundu di bahagian Kuching, Kota Samarahan, Asajaya dan Simunjan di bahagian Samarahan, Sri Aman dan Lubok Antu di bahagian Sri Aman, Sibu, Kanowit dan Selangau di bahagian Sibu, Miri, Marudi, Subis, Beluru dan Telang Usan di bahagian Miri, Limbang dan Lawas di bahagian Limbang, Sarikei, Maradong, Julau dan Pakan di bahagian Sarikei, Kapit, Song, Belaga, dan Bukit Mabong di bahagian Kapit, Bintulu, Tatau dan Sebauh di bahagian Bintulu, Mukah, Dalat, Matu, Daro dan Tanjung Manis di bahagian Mukah, Betong, Saratok, Kabong dan Pusa di bahagian Betong dan akhir sekali, Serian dan Tebedu di bahagian Serian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sarawak diterajui oleh Ketua Menteri yang juga mengetuai Kabinet Menteri. Ketua Menteri dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri, daripada kalangan ahli Dewan Undangan Negeri. Pilihan raya diadakan selang tempoh lima tahun. Ketua Menteri sekarang ialah Pehin Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud. Sarawak juga mempunyai Yang di-Pertua Negeri yang disandang oleh Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng telah menerima pakai bendera, Lencana, Moto dan Lagu Kebesaran yang baru semasa Sarawak menyambut Ulang Tahun ke-25 pada tahun 1988.

Negeri Sarawak terletak di wilayah barat di pulau Borneo. Dengan kawasan yang seluas 124,449.51 kilometer persegi (47.071 batu persegi), negeri ini menjadi negeri yang paling besar di Malaysia, dan membentuk 34.5% daripada jumlah keluasan 329,750 kilometer persegi di negara ini. Sarawak terletak di utara Khatulistiwa antara latitud 0’50’ dan 5’0 utara dan longtitud 109’36’ dan 115’40’ timur, negeri Sarawak terbentang kira-kira 800 km sepanjang pantai barat laut pulau Borneo. Negeri Sarawak dipisahkan dari Semananjung Malaysia oleh jarak 600 km Laut China Selatan. Di pulau Borneo, negeri Sarawak bersempadan dengan negeri Sabah di timur laut dan Negara Brunei Darussalam yang membentuk enklaf berganda. Di sebelah pedalaman pula, negeri Sarawak bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Berdasarkan Department of Statistics Malaysia, Sarawak mencatatkan kepadatan penduduk sebanyak 2.90 juta orang pada tahun 2020. Penduduk di Sarawak terbahagi kepada 2 kaum utama iaitu Bumiputera dan bukan Bumiputera (Cina dan India). Kaum bumiputera di Sarawak tergolong daripada Dayak (Iban dan Bidayuh), Melayu Sarawak, Melanau, Memaloh, Orang Ulu (Kayan, Kenyah, Kajang, Kejaman, Punan, Ukit,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penan, Lun Bawang, Lun Dayeh, Lahanan, Murut, Berawan, Kelabit dan Kiput/Lakiput), Bisaya, Kedayan dan Miriek.

Penduduk asli atau lebih dikenali sebagai Bumiputera atau Pribumi di Sarawak mempunyai 27 etnik. Etnik tersebut terdiri daripada etnik Iban, Melayu, Tering, Bidayuh, Melanau, Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Penan, Punan, Kelabit, Kedayan, Bisaya, Berawan, Lahanan, Sekapan, Kejaman, Baketan, Ukit, Sihan, Tagal, Tabun, Saban, Lisum, Longkiput/Bangsa Kiput, Murut, Miriek, Dalik/Dali, Salako dan Bugis. Kesemua kumpulan etnik ini mempunyai bahasa, kebudayaan, dan cara kehidupan yang tersendiri.

Negeri Sarawak adalah negeri kedua terkaya dalam hasil sumber ekonominya di Malaysia dengan hasil sumber gas asli, petroleum, balak dan kelapa sawit. Selain itu, terdapat juga sumber ekonomi yang baru seperti sektor perkilangan elektronik dan bioteknologi. Dengan kawasan yang luas terbentang, Sarawak mempunyai banyak kawasan yang sesuai untuk perkembangan pertanian, Lebih kurang 32% atau kira-kira 40,000 km² luas kawasan telah dikenalpasti sesuai untuk pertanian. Walau bagaimanapun, tidak sampai 9% yang ditanam dengan tanaman kekal, manakala selebihnya masih dalam proses penanaman padi huma iaitu seluas 16,000 km² lebih. Selain kelapa sawit, tanaman komersil lain adalah sagu dan lada hitam.

Sejak 1980-an, Sarawak telah mula mempelbagai dan mengubah ekonominya kepada bentuk industri. Taktik ini telah berjaya, dan kini industri perkilangan dan teknologi memainkan peranan penting dalam membentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengembangan ekonomi negeri. Walaupun merupakan negeri yang terbesar di Malaysia, Sarawak mampu untuk membangunkan semua bahagian dan daerah negeri tersebut untuk mengejar status negeri maju pada tahun 2020. Sarawak bersamaan dengan Selangor mempunyai dua bandar raya iaitu Bandaraya Kuching dan Miri. Dengan adanya kawasan yang luas dan kaya dengan sumber alam, Sarawak telah menjadi antara pilihan menarik bagi para pelabur.

1.2.3 Latar Belakang Suku Kaum Bidayuh

Sarawak mempunyai bilangan penduduk pelbagai etnik yang paling ramai di Malaysia iaitu seramai 2.07 juta orang. Kuching merupakan ibu negeri kepada Sarawak mempunyai kepadatan penduduk yang ramai sebanyak 27 etnik besar dan 74 etnik kecil. Jumlah etnik keseluruhan di Sarawak adalah dianggarkan sebanyak 101 etnik. Menurut Liserd (2022), James Brooke telah membahagikan kumpulan masyarakat Dayak yang dominan kepada dua pecahan iaitu sebagai *Land Dayak* (Bidayuh) dan *Sea Dayak* (Iban). Kesemua kumpulan etnik ini mempunyai bahasa, kebudayaan, dan cara kehidupan yang tersendiri. Setiap etnik yang terdapat di Sarawak terbahagi kepada Kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera. Kaum Bumiputera Sarawak diwakili oleh etnik Melayu Sarawak, Melanau, Kedayan, Iban Atau Sea Dayak, Bidayuh Atau Land Dayak, Kayan, Kenyah, Murut Atau Lun Bawang, Kelabit, Punan, Penan, Tring, Logat, Bah Mali, Narom, Bakong, Miriek, Dali, Segan, Bisaya, Berawan, Belot, Bhuket Atau Ukit, Balau, Batang Ai, Batu Elah, Baketan, Bintulu, Badeng, Dusun, Jagoi, Lakiput, Kajang, Kejaman, Kanowit, Lirong, Lemanak, Lahanan, Lisum Atau Lugum, Matu, Memaloh, Melikin, Melaing, Ngorik Atau Murek, Menondo, Jamok, Sebop, Seduan, Sekapan, Segalang, Sihan, Seping, Saribas, Sebuyau, Skrang Dan Saban. Kaum bukan Bumiputera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah Cina dan India. Dalam kajian ini, Kaum Bidayuh adalah salah satu kaum yang dijadikan sebagai kelompok kajian yang dikaji.

(https://sahamonline.miti.gov.my/documents/SENARAI_RUJUKAN_BUMIPUTERA_SPSKB.pdf)

Kaum Bidayuh adalah masyarakat yang mendiami kawasan barat daya Sarawak, terutamanya Bahagian Serian, Kuching dan di barat Kalimantan. Menurut Hewitt (1961) dalam penulisan The First Land Dayaks menyatakan bahawa masyarakat Bidayuh datang ke Sarawak dari Sungkong di Kalimantan Indonesia kira-kira dua puluh generasi sebelum letupan Gunung Krakatoa berdasarkan lagendanya. Mereka dipercayai menetap dan berasal dari pergunungan Penrissen Sarawak atau *Borneo Heights* berdasarkan teori penghijrahan penduduk pertama di Pulau Borneo (Deep Skull) yang ditemui di Sarawak. Menurut Liserd (2022), masyarakat Bidayuh terdiri daripada empat pecahan etnik iaitu Selakau/Lara (Daerah Lundu), Jagoi/Singai (Daerah Bau), Biatah (Daerah Kecil Padawan), Bukar/Sadong (Daerah Serian) dan Kuching Tengah/Bidayuh Baru/Bidayuh Moden (Kawasan Tengah antara Padawan dengan Bau). Masyarakat Bidayuh kebanyakannya beragama Kristian dan sebahagian sahaja yang menganut agama Islam serta animisme.

(http://1malaysiapmj.blogspot.com/p/asal-usul-masyarakat-bidayuh.html)

Selain itu, sub-etnik Bidayuh terbesar ialah Bukar Sadong yang rata-rata masyarakatnya tinggal di Daerah Serian. Bidayuh Bukar dan Sadong terpecah kepada dua kumpulan yang berlainan namun tinggal dalam daerah yang sama iaitu Serian. Bidayuh Bukar atau Bibukar mendapat nama daripada perkataan ‘kakar’ yang bermaksud ‘kotor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan sungai yang berlumpur' (Peter, 2000). Bukar juga merupakan nama bagi sungai. Bibukar tinggal berhampiran dengan Batang Samaharan. Pada masa dahulu, nenek moyang mereka bermigrasi dari Sungkung dan Bugau dan seterusnya ke Tembawang Rutoi. Setelah itu, mereka berpindah ke kawasan baru yang berhampiran dengan sungai dan Gunung Sadong. Lama-kelamaan, sungai tersebut kotor disebabkan haiwan liar dari hulu sungai dan dari peristiwa inilah nama 'bukar' wujud.

(http://tebakangdayak.blogspot.com/p/sejarah_18.html)

Bidayuh Sadong mendapat nama sempena Batang Sadong dan Gunung Sadong iaitu sungai dan gunung utama di Serian. Mereka tinggal di sepanjang Batang Sadong termasuklah Batang Kayan, Sungai Kedup, Sungai Suhu dan Sungai Robin yang berhampiran dengan Gunung Sadong (Liserd, 2022). Kumpulan Bidayuh Sadong terdiri daripada beberapa kumpulan kecil. Lazimnya, Bidayuh Bukar-Sadong dikenali sebagai Bidayuh Serian kerana mereka tertumpu di Daerah Serian. Terdapat 14 kumpulan yang membentuk sub-etnik Bukar-Sadong iaitu Kumpulan Bukar, Kumpulan Sambat, Kumpulan Mentu, Kumpulan Sumpas, Kumpulan Temong, Kumpulan Taup, Kumpulan Engkeroh, Kumpulan Riih, Kumpulan Gahat (Semabang), Kumpulan Suntas, Kumpulan Kujang, Kumpulan Prangkan, Kumpulan Sangai, dan Kumpulan Daha. Menurut Chua (2007), penempatan suku kaum Bidayuh pada asalnya tinggal di rumah panjang terletak jauh di kawasan pendalaman dan tanah tinggi. Hal ini bertujuan untuk keselamatan supaya sukar dikesan oleh musuh. Struktur rumah panjang kaum Bidayuh tidak jauh bezanya dengan struktur rumah panjang masyarakat Iban di Sarawak. Atap rumah panjang kaum Bidayuh diperbuat daripada atap rumbia atau sagu, manakala dindingnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pula daripada buluh. Pelantar atau lantai rumah panjang pula diperbuat daripada papan atau buluh manakala tiangnya pula diperbuat daripada kayu belian.

Bahasa Bahasa Bidayuh begitu unik berbanding bahasa-bahasa pribumi lain yang terdapat di Sarawak. Keunikan ini adalah berdasarkan sebutan, pertuturan, gerak gaya dan alunan yang dipertuturkan (Coluzzi, Riget, & Xiaomei, 2013). Lazimnya, bahasa Bidayuh akan berbeza intonasi dan bahasa mengikut kampung dan daerah tertentu. Hal ini menyebabkan suku kaum ini sukar untuk berkomunikasi dengan satu sama lain sekiranya mereka adalah suku atau dari daerah yang berlainan. Sebagai contoh, suku Bidayuh dari kawasan Serian menyebut *makan* ialah *ma-an* manakala suku Bidayuh dari kawasan Padawan pula menyebut *makan* sebagai *man*. Ada juga bidayuh yang baru dikenali sebagai Bidayuh Kuching Tengah atau Bidayuh Moden (Baru), oleh kerana bahasa dan adat yang bercampur dari Bidayuh Bau Jagoi dan bidayuh Padawan. Kaum Bidayuh ini boleh ditemui dikawasan perkampungan berdekatan dengan bandar kuching iaitu Kampung Tematu Simorang, Kampung Semeba, Kampung Sudat dan Kampung Bumbok.

Di samping itu, warna hitam adalah warna utama dalam pemakaian masyarakat Bidayuh. Menurut Chua (2007), pakaian lengkap bagi kaum wanita Bidayuh adalah termasuk baju berlengan pendek atau separuh lengan dan sepasang kain sarung berwarna hitam paras lutut yang dihiasi dengan manik manik halus pelbagai warna disulami dengan kombinasi warna utama iaitu putih, kuning dan merah. Tudung kecil separuh tinggi dengan corak anyaman yang indah atau penutup kepala daripada kain berwarna warni dengan sulaman manik halus adalah pelengkap hiasan kepala wanita masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bidayuh. Menurut Magiman & Salleh (2017), kaum lelaki masyarakat Bidayuh pula lazimnya mengenakan sepasang persalinan berbentuk baju hitam separa lengan atau berlengan pendek dengan sedikit corak berunsur flora dan seluar hitam atau cawat yang berwarna asas seperti biru, merah dan putih. Kain lilit kepala pula adalah pelengkap hiasan kepala kaum lelaki masyarakat ini.

Dari segi warisan masyarakat Bidayuh, muzik memainkan peranan yang penting dalam setiap upacara keagamaan yang mereka jalankan. Muzik ini berperanan menaikkan semangat, mengusir roh jahat dan sebagai pententeram kepada semangat roh. Muzik juga memainkan peranan dalam pemberitahuan motif sesuatu upacara yang dijalankan. Umumnya muzik tradisional masyarakat Bidayuh terdiri daripada sepasang gong besar terbahagi daripada dua iaitu Oguong dan Kitaak, canang, Gendang atau Pedabat dan Tawak iaitu sejenis gong kecil. Terdapat juga alat muzik tradisional yang lain seperti serunai/seruling dan gitar buluh.

Di samping itu, dalam sudut kepimpinan masyarkat Bidayuh diketuai oleh pemimpin berkaliber dikenali sebagai Ketua Kampung, Penghulu, dan Ketua Kaum di setiap kampung. Wakil pemimpin Bidayuh pada peringkat parti politik mewakili setiap daerah. Kini, penglibatan masyarakat Bidayuh dalam kepimpinan dimulakan dengan adanya penyertaan dalam parti politik Bidayuh. Menurut Ranum (1997), kepemimpinan pemimpin politik Bidayuh penting memandangkan mereka adalah wakil kepada masyarakat di dalam kerajaan. Penglibatan di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi di dalam politik amat penting dalam menentukan corak kepemimpinan yang lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.4 Golongan Belia

Belia atau lebih dikenali sebagai anak muda adalah tempoh perkembangan dalam kehidupan apabila seseorang dalam usia muda di antara fasa kanak-kanak dan dewasa. Pengertian belia mempunyai pelbagai tafsiran yang boleh digunakan bagi mentafsirkan makna belia dari segi umur, undang-undang, dan sosiobudaya. Di Malaysia, takrifan belia menurut Dasar Pembangunan Belia Negara (1997), belia ialah golongan yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun. Namun, belia kini dianggap sebagai golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun serta merupakan sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Statistik Unjuran Populasi Penduduk dan Penduduk Belia mengikut Jantina dan Negeri bagi tahun 2022-2025 mencatatkan Sarawak pada tahun 2023 mempunyai kepadatan penduduk seramai 3,024,000 juta orang dan 1,277,800 juta orang daripadanya merupakan golongan belia yang berumur daripada 15 hingga 40 tahun (https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=39). Golongan belia boleh dikategorikan mengikut kelompok umur yang berbeza-beza di seluruh dunia. Belia di Sarawak perlu komited dan bergerak secara holistik dalam membantu usaha kerajaan memajukan Sarawak. Golongan belia sangat penting dalam memastikan agenda kerajaan memperkasa belia di negeri ini mencapai sasaran. Sambutan Hari Belia Sarawak 2022 yang bertemakan ‘Belia Peneraju Masa Depan Sarawak’. Objektif sambutan ialah untuk meraikan sumbangan dan penglibatan belia kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan negeri yang bertujuan untuk meningkatkan semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan para belia dan pertubuhan-pertubuhan belia di seluruh peringkat Negeri Sarawak. Selain itu, berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia di daerah Serian mempunyai kepadatan penduduk seramai 104,500 ribu penduduk pada tahun 2020 termasuklah golongan belia. Jumlah penduduk di Serian mencatatkan 53.5 ribu kaum lelaki dan 51.0 ribu kaum wanita serta peningkatan sebanyak 1.3 peratus kadar pertumbuhan penduduk tahunan (https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/125-newsletter-infographics/1644-scdp-sarawak#gallery26f15b2fab-27).

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mengukur tahap pengetahuan masyarakat Bidayuh di Serian terhadap aspek-aspek yang terdapat dalam Perjanjian Malaysia 1963 telah menjadi sebuah teras utama bagi melaksanakan tuntutan hak di Sarawak. Hal ini kerana, tanggapan masyarakat terhadap isu semasa tentang perkembangan negeri adalah tidak penting dan mereka hanya ingin mendapat manfaat daripada bantuan yang disalurkan oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri bagi kelangsungan hidup mereka. Menurut Julita Majungki (2021) menyatakan isu-isu tuntutan MA63 gagal difahami atau sengaja diabaikan oleh pihak-pihak tertentu yang berkepentingan. (https://www.utusanborneo.com.my/2021/11/18/tuntutan-ma63-perlu-dilakukan-secara-rasional-bukan-ikut-perasaan).

Perkara ini berlaku akibat daripada tiada kesedaran dan pendedahan terhadap pentingnya untuk mengetahui tentang Perjanjian Malaysia 1963 yang telah menjadi titik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

permulaan bagi penggabungan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. MA63 perlu dijelaskan dengan terperinci dan bukan sekadar luaran sahaja agar pemahamannya dari sudut hak dan undang-undang mampu difahami rakyat. Penerangan tentang MA63 hanya didedahkan secara umum dan tidak memberi kesedaran yang mendalam terhadap masyarakat. Menurut Zainal Ajamain (2019) dalam forum '*Understanding Borneos Quest for Equal Partnership*' masyarakat lebih mudah terpengaruh terhadap perspektif orang lain berkenaan MA63, sekirannya mereka hanya memahaminya secara luaran sahaja. (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ma63-mp-perlu-mempunyai-fahaman-lebih-jelas-bukan-sekadar-luaran-206740)

Selain itu, masyarakat tidak peka terhadap keadaan sekeliling yang menyebabkan berlakunya salah tafsir maklumat yang disalurkan melalui media dan berita. Hal ini berlaku kerana ramai masyarakat bidayuh yang masih mempunyai tanggapan yang terpesong daripada realiti asal oleh kerana kurang pendedahan terhadap berita yang disampaikan. Perkara ini sering berlaku apabila terdapat sesetengah masyarakat lebih mempercayai informasi yang telah disalahtafsirkan daripada mengetahui informasi yang tepat dan betul. Justeru itu, situasi sebegini menyebabkan masyarakat sering berhadapan dengan sikap ketidakpuasan hati kerana informasi yang mereka percayai adalah bertentangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan rumusan permasalahan kajian, persoalan yang ingin dibangkitkan melalui kajian ini adalah seperti berikut:

i. Apakah isu-isu yang menjadi tuntutan Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan intipati Perjanjian Malaysia 1963?
ii. Apakah tahap pengetahuan masyarakat mengenai intipati Perjanjian Malaysia 1963 kepada negeri Sarawak?
iii. Apakah strategi yang dapat diaplikasikan untuk memudahkan pemahaman dan pemikiran masyarakat terhadap Perjanjian Malaysia 1963?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Bagi menjawab permasalahan kajian yang telah dihuraikan di atas, objektif yang berikut ditetapkan sebagai landasan kajian:

i. Mengetegahkan aspek-aspek utama seperti ekonomi, kesihatan dan pendidikan yang terkandung dalam MA63.
ii. Mengenal pasti tahap pengetahuan golongan belia mengenai MA63.
iii. Menjelaskan strategi bagi memudahkan pemahaman masyarakat terhadap MA63.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah meliputi kawasan Serian dipilih sebagai lokasi kajian kerana Serian ini merupakan sebuah daerah yang kebanyakkan penduduknya terdiri daripada masyarakat Bidayuh dan kawasan tersebut boleh dikategorikan sebagai luar bandar. Bandar Serian ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana kedudukannya yang berada di kawasan yang agak jauh daripada bandar utama telah menjadi tumpuan pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Pengkaji telah memilih salah satu kampung di Serian iaitu Kampung Tebakang Bidayuh yang merupakan kampung halaman pengkaji yang terletak di bahagian Serian, Sarawak yang mana lokasinya di antara Serian dan Tebedu.

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji ini melibatkan masyarakat Bidayuh termasuklah golongan belia yang berumur daripada 15 hingga 40 tahun. Dalam kajian ini, pengkaji hanya mendapatkan pendapat masyarakat Bidayuh dan golongan belia Bidayuh. Kajian ini memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu ekonomi, kesihatan dan sosial seperti yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Pengkaji juga akan mengenal pasti tahap pengetahuan serta menjelaskan strategi bagi memudahkan pemahaman masyarakat mengenai MA63.

Dalam kajian ini, pengkaji menghadkan sampel kepada kategori masyarakat Bidayuh setempat dan golongan belia yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun. Hal ini kerana, mereka adalah masyarakat yang akan dikaji melalui pemahaman dan pandangan mereka terhadap pelaksanaan MA63 yang berlaku 60 tahun yang lalu. Selain itu, sampel ini dipilih kerana informan-informan merupakan golongan berkepentingan, mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pekerjaan dan berpendidikan supaya lebih mengalakkan mereka untuk lebih memahami MA63.

Dalam kajian ini, pengkaji mempunyai kesukaran kerana MA63 ini merupakan satu perjanjian yang dimetrai 60 tahun yang lalu bagi membentuk sebuah Persekutuan Malaysia dan ramai masyarakat yang mengetahui tentang kepentingan perjanjian ini. Malah semasa menjalankan kajian ini, pengkaji perlu menerangkan berkenaan dengan MA63 secara umumnya kepada masyarakat dengan penjelasan yang lebih mudah. Oleh itu, pengkaji juga menghadapi kesukaran dalam memperoleh kerjasama informan untuk melakukan sesi temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini penting untuk mencapai objektif kajian bagi mengetegahkan aspek-aspek utama seperti ekonomi, kesihatan dan pendidikan yang terkandung dalam MA63, mengenal pasti tahap pengetahuan golongan belia mengenai MA63 dan menjelaskan strategi bagi memudahkan pemahaman masyarakat terhadap MA63. Melalui kepentingan kajian ini, pengkaji dapat mengetahui isu-isu yang menjadi tuntutan Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan intipati Perjanjian Malaysia 1963.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji penting dilaksanakan bagi bagi mengetegahkan aspek-aspek utama seperti ekonomi, kesihatan dan pendidikan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terkandung dalam MA63. Hal ini kerana, melalui aspek-aspek yang diketengahkan ini dapat memudahkan pemahaman masyarakat dengan merujuk kepada tuntutan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Kajian ini membolehkan masyarakat Bidayuh lebih mengetahui mengenai MA63 secara lebih lanjut serta memberi pandangan mereka terhadap isu yang menjadi tuntutan MA63.

Selain itu, kajian ini penting untuk menilai tahap pengetahuan golongan belia terhadap MA63. Pengkaji mendapati bahawa golongan belia merupakan golongan yang akan menerusi kepimpinan dan hala tuju sesebuah negeri. Maka dengan itu, kajian ini penting bagi mengetahui tahap pengetahuan golongan belia terhadap MA63 dan kesediaan mereka dalam menerima perubahan yang telah dilakukan di negeri ini sendiri. Lanjutan daripada penilaian tahap pengetahuan ini, pengkaji seterusnya mengemukakan enam strategi yang memudahkan pemahaman masyarakat terhadap MA63. Oleh itu, pengkaji mendapatkan pandangan daripada informan dalam memilih strategi yang sesuai diaplikasikan.

Pengkaji mengharapkan agar kajian berkenaan dengan Perjanjian Malaysia 1963: Pengetahuan dan Kesedaran Masyarakat Bidayuh di Serian yang telah diperolehi dapat memberi kefahaman kepada msayrakat selain daripada manfaat yang diperoleh oleh penyelidik yang akan datang. Hal ini kerana, pentingnya masyarakat mempunyai pengetahuan mengenai sejarah dan isu semasa tentang MA63 ini yang merupakan satu kajian yang baru diterokai dan tidak mempunyai banyak bahan rujukan dari kajian lepas. Maka, melalui kajian ini pengkaji ingin membuka minda dan pengetahuan masyarakat Bidayuh terhadap tahap pengetahuan mereka terhadap Perjanjian Malaysia 1963. Hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana, dapat mendidik masyarakat terutamanya generasi muda dan seluruh masyarakat Bidayuh di Serian untuk mempunyai pengetahuan tentang perkembangan semasa.

1.8 Definisi Operational

Istilah yang digunakan dalam kajian ini akan menjelaskan satu persatu bagi menjelaskan tajuk kajian ini.

1.8.1 Perjanjian Malaysia 1963

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perjanjian Malaysia 1963 merupakan sebuah perjanjian antarabangsa yang telah menjadikan dokumen ini sebagai satu dokumen perundangan yang antara United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura. MA63 ialah persetujuan yang menggabungkan Borneo Utara, Sarawak, dan Singapura dengan negeri-negeri yang sedia ada dalam Persekutuan Tanah Melayu, dengan kesatuan yang terhasil dinamakan Malaysia. Menurut A Rahman et al., (2018) menyatakan bahawa kewujudan peruntukan perundangan tersebut telah memberikan hak autonomi kepada kedua-dua negeri berkenaan yang tidak dinikmati oleh semua negeri lain dalam Persekutuan Malaysia. Intipati yang telah disenaraikan dalam MA63 adalah Maka dengan itu, Malaysia diiktirafkan sebagai sebuah negara yang merdeka 60 tahun yang lalu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Pengetahuan

Pengetahuan merujuk kepada perihal mengetahui terhadap sesuatu perkara, yang mana ia merupakan kefahaman yang sistematik dan diusahakan secara sedar. Pengetahuan juga didefinisikan sebagai perihal tahu seperti kepandaian dan kebijakan yang ada dalam diri seseorang manusia. Selain itu, pengetahuan juga diklasifikasikan sebagai ilmu yang diketahui atau dipelajari. Contohnya, penilaian pengetahuan masyarakat Bidayuh termasuk golongan muda terhadap MA63. Pengetahuan merupakan pemahaman bermakna ataupun sesuatu yang memberikan makna kepada diri individu apabila datangnya sesuatu sumber maklumat yang dikatakan berkaitan dengan sesuatu kajian ataupun memerlukan kefahaman. Pengetahuan adalah berbeza dengan maklumat iaitu sesuatu maklumat tidak bererti atau bermakna sekiranya ia tidak dapat dijadikan makna atau mendatangkan makna kepada seseorang. Oleh itu, pengetahuan mengenai MA63 ini penting bagi masyarakat mengetahui tentang kewujudan dan pelaksanaannya terhadap Kerajaan Negeri.

1.8.3 Kesedaran

Kesedaran atau keinsafan secara umumnya bererti memperoleh kebijaksanaan atau pemahaman baru yang membolehkan kejelasan tanggapan. Takrifan kesedaran merujuk kepada peristiwa-peristiwa luaran dan deria dalaman, termasuklah kesedaran tentang diri dan pemikiran mengenai pengalaman yang lalu. Terdapat dua jenis kesedaran yang agak berbeza iaitu kesedaran kerohanian atau keagamaan, serta kesedaran sekular atau intelektual. Kesedaran dalam kajian ini merujuk kepada masyarakat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai pengetahuan seharusnya mempunyai kesedaran akan pentingnya MA63 sebagai satu perjanjian yang meliputi hak dan tuntutan rakyat Sarawak. Hal ini boleh menyebabkan kekeliruan, kerana masyarakat yang mendakwa mendapat kesedaran intelektual sering menolak konsep kesedaran kerohanian sama sekali.

1.8.4 Masyarakat Bidayuh

Masyarakat merupakan istilah yang digunakan untuk menerangkan komuniti manusia yang tinggal bersama-sama. Masyarakat didefinisikan sebagai jaringan perhubungan antara pelbagai individu. Dari segi pelaksanaan, ia bermaksud sesuatu yang dibuat atau tidak dibuat oleh kumpulan orang itu. Masyarakat merupakan subjek utama dalam pengkajian sains sosial. Oleh kerana sesebuah masyarakat yang inginkan kestabilan memerlukan ahli-ahli yang sanggup menolong antara satu sama lain, maka ia perlu kepada nilai-nilai murni seperti kerakyatan, hak dan etika. Ini merupakan perkara asas untuk mencapai keadilan.

Takrifan Bidayuh merujuk kepada suku kaum pribumi yang keempat terbesar di Sarawak dikenali sebagai Dayak Darat yang rata-rata penduduknya tinggal di daerah di Kuching dan Serian. Menurut Liserd (2022), masyarakat Bidayuh terdiri daripada empat pecahan etnik iaitu Selakau/Lara (Daerah Lundu), Jagoi/Singai (Daerah Bau), Biatah (Daerah Kecil Padawan), Bukar/Sadong (Daerah Serian) dan Kuching Tengah/Bidayuh Baru/Bidayuh Moden (Kawasan Tengah antara Padawan dengan Bau). Maka dengan itu, masyarakat Bidayuh ini merujuk kepada sekelompok masyarakat suku kaum Bidayuh yang mempunyai dialek, adat serta pakaian tradisional yang berbeza mengikut kawasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Organisasi Bab

Susunan dalam penulisan projek tahun akhir amat penting terutamanya berkenaan dengan kualiti penulisan. Ia dapat memudahkan para pembaca untuk memahami projek tahun akhir ini dengan lebih mendalam. Justeru itu, kajian ini telah disusun dan dibahagikan kepada lima bab mengikut urutan proses kajian.

Bab I merupakan pengenalan yang membincangkan proses awal melaksanakan kajian. Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyusun proses tersebut bermula dengan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kawasan kajian, kepentingan kajian, definisi operational dan organisasi bab dalam penulisan projek tahun akhir ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab II pula merupakan bahagian yang menerangkan berkenaan dengan kajian literatur iaitu mengenai Perjanjian Malaysia 1963 atau *Malaysian Agreement* 1963 (MA63). Ini adalah untuk memperlihatkan mengenai tahap kefahaman masyarakat terhadap perjanjian ini dan mampukah perjanjian ini menjadi teras hidup masyarakat untuk bergerak maju seiring dengan perkembangan semasa. Perkara ini dikupas berdasarkan hasil daripada pembacaan maklumat yang terdapat di dalam bahan bacaan yang telah diterbitkan seperti buku-buku, majalah, tesis, jurnal, kertas seminar, surat khabar, rencana, media elektronik dan sebagainya. Justeru bahagian ini juga dikenali sebagai kajian lepas. Rumusan juga dibuat pada penghujung bahagian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab III merupakan bahagian yang menjelaskan berkenaan dengan metadologi atau kaedah kajian. Dalam kajian ini, penulisan telah dipecahkan kepada lima proses iaitu reka bentuk kajian, kaedah pemilihan sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, procedur pengumpulan data dan kaedah menganalisis data. Dalam prosedur pengumpulan data, kaedah yang digunakan adalah temu bual yang mana pengkaji menggunakan soalan separa struktur dan soalan berstruktur.

Bab IV pula akan menghuraikan tentang analisis-analisis soalan yang diajukan kepada informan-informan terpilih. Soalan-soalan tersebut adalah tema-tema yang telah dikembangkan dalam objektif kajian. Dalam penulisan bab ini juga, analisis dari perbincangan bersama-sama informan akan dirumuskan dalam sebuah kesimpulan. Lanjutan dari kesimpulan bab IV ini, akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab V adalah bahagian yang terakhir, yang mana dalam bab ini akan membincangkan mengenai keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Hasil perbincangan akan dibincangkan secara terperinci dalam bab ini. Bab ini akan menjawab semua persoalan-persoalan kajian yang telah digariskan dalam bab I. Bab ini juga akan mengetegahkan cadangan terhadap kajian lanjutan yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Penutup

Pengkaji membincangkan tentang pengenalan terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Bahagian pendahuluan ini adalah bertujuan untuk menjadi panduan awal mengenai Perjanjian Malaysia 1963. Dalam bahagian bab ini membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kawasan kajian. Oleh itu, kajian berkenaan dengan Penjanjian Malaysia 1963 ini merupakan kajian yang sangat menarik untuk dikaji. Hal ini kerana, perjanjian ini membawa kepada peristiwa bersejarah iaitu pembentukkan Malaysia yang kini sambutan Hari Malaysia pada 16 September 1963 menjadi ingatan kepada seluruh rakyat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi